

(EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.45 MALAM INI, 6 OKT)

1983

KUALA LUMPUR, 6 OKT. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN USAHA-USAHA KERAJAAN MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM BERTUJUAN MEMUJUDKAN SATU BANGSA MALAYSIA DAN UMAT MENUSIA YANG BERTAMADUN TINGGI DAN MASYARAKAT

BUKAN ISLAM TIDAK SEHARUSNYA MENARUH PRASANGKA TERHADAPNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA USAHA-USAHA ITU ADALAH UNTUK MENJAMIN AMALAN-AMALAN NILAI MURNI ISLAM DI KALANGAN UMAT ISLAM DAN AMALAN NILAI-NILAI SEJAGAT YANG BAIK DI KALANGAN BUKAN ISLAM.

USAHA-USAHA INI BUKAN SAJA BAGI MANFAAT KEPADA MASYARAKAT ISLAM TETAPI JUGA KEPADA MASYARAKAT BUKAN ISLAM, KATANYA DALAM UCAPANNYA KEPADA SELURUH NEGARA SEMPENA AWAL MUHARAM YANG DISIARKAN OLEH RTM MALAM INI.

KEPADA MASYARAKAT ISLAM, PERDANA MENTERI MENYERU MEREKA SUPAYA BENAR-BENAR MENGIKUTI DAN MENGAMALKAN NILAI-NILAI ISLAM KERANA IA MERUPAKAN PERKARA WAJIB DAN MENJADI CONTOH KEPADA SELURUH MASYARAKAT DI NEGARA INI.

UMAT ISLAM, KATANYA, TIDAK AKAN DIHORMATI DAN DIJADIKAN CONTOH SELAGI MEREKA SENDIRI TIDAK SANGGUP MENUNJUKKAN KEWIBAWAAN AGAMA ALLAH DENGAN JUJUR DAN IKHLAS. --LAGI 1842/MD

MAHATHIR-MUHARAM 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) 'R' 'R' 'R

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KEAGUNGAN ISLAM DENGAN NILAI-NILAI MURNI DALAM AJARANNYA TIDAK HANYA TERBATAS KEPADA KEPERLUAN AKHIRAT TETAPI MERANGKUMI KEHIDUPAN DI DUNIA.

KATANYA ISLAM JUGA MELARANG SAMA SEKALI UMATNYA BERPELUK TUBUH DAN HANYA BERDOA MENGHARAPKAN REZEKI DATANG BERGOLEK TANPA USAHA.

+DENGAN ITU KITA MENGGALAKKAN RAKYAT NEGARA INI BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MENJAYAKAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG BERSESUAIAN DENGAN NILAI-NILAI MURNI AJARAN ISLAM.

BELIAU LALU MENYERU SEMPENA AWAL MUHARAM SUPAYA RAKYAT MENGUBAH SIKAP DAN NEMPERBAHARUI AZAM DENGAN SEMANGAT MAJU KE HADAPAN UNTUK MENEPATI HIKMAT HIJRAH NABI MOHAMAD (SAW).

PERDANA MENTERI BERKATA AWAL MUHARAM YANG MENANDAKAN AWAL TAHUN HIJRAH MEMPUNYAI ERTI YANG AMAT BESAR BAGI UMAT ISLAM. HIJRAH RASULULLAH (S.A.W) DARI MEKAH KE MEDINAH BUKAN SATU TINDAKAN MENYELAMATKAN DIRI TETAPI TINDAKAN UNTUK MENYUSUN STRATEGI BAGI MENJAMIN KESELAMATAN DAN KEMENANGAN ISLAM DALAM JANGKA PANJANG.

LAGI 1907/MD

DENGAN ITU, KATA BELIAU, PERISWA HIJRAH ADALAH SATU PERISTIWA YANG HARUS MEMBAWA BANYAK PENGAJARAN KEPADA UMAT ISLAM DALAM MENGHADAPI CABARAN-CABARAN HIDUP.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KESELURUHAN PERJUANGAN RASULULLAH S.A.W. MERUPAKAN GABUNGAN TINDAKAN YANG BERASASKAN PRINSIP-PRINSIP ISLAM YANG TULEN IAITU SENTIASA BERIKTIAR, SABAR DAN TIDAK PUTUS ASA DAN SENTIASA BERSERAH KEPADA ALLAH.

BELIAU BERKATA BAGI RAKYAT DI MALAYSIA, PERISTIWA HIJRAH ITU MEMBERI PENGAJARAN YANG BANYAK, SALAH SATU DARIPADA YANG AMAT BERGUNA KEPADA NEGARA BERBILANG KAUM DAN AGAMA IALAH BAGAIMANA SATU MASYARAKAT MEDINAH DISUSUN TERDIRI DARIPADA BERBAGAI KAUM DAN KEPERCAYAAN MENJADI MASYARAKAT YANG BERSEFAHAMAN, BERSATU DAN HORMAT-MENGHORMATI.

+RASULULLAH S.A.W TELAH MEMBUKTI DAN MEMPERAKTIKKAN ISLAM SEBAGAI SATU SISTEM HIDUP BERMASYARAKAT YANG BERASASKAN PERSAUDARAAN DAN KEADILAN SOSIAL.

+BUKAN SAJA UMAT ISLAM YANG MENRIMA SISTEM HIDUP INI MALAHAN MEREKA YANG BUKAN ISLAM JUGA TURUT PATUH KEPADA NILAI-NILAI ISLAM YANG PADA HAKIKATNYA ADALAH NILAI-NILAI MULIA YANG SEJAGAT, + TEGASNYA. --BERNAMA 1910/MD